



KIT EKSPORT

PRODUK

AGROMAKANAN

Panduan pengeksportan produk agromakanan
2025



KANDUNGAN

Bahagian 1: Panduan Mengeksport Produk Pertanian Segar	3
Jadual 1. Keperluan eksport mengikut komoditi dan negara.....	8
Jadual 2. Agensi kawalan import di negara sasaran berserta pautan laman web rasmi setiap agensi	25
Bahagian 2. Panduan mengeksport produk agromakanan proses.....	26
Jadual 3. Keperluan eksport produk agromakanan proses mengikut negara.....	30



PANDUAN EKSPORT
Bahagian 1: Panduan Mengeksport
Produk Pertanian Segar

Panduan ini disediakan untuk membantu individu atau syarikat yang pertama kali ingin mengeksport produk pertanian segar dari Malaysia. Panduan ini boleh digunakan oleh pengguna sama ada individu, syarikat atau agen yang mewakili syarikat yang ingin membawa produk pertanian segar ke luar negara bagi 12 negara yang dinyatakan. Ia merangkumi langkah demi langkah yang perlu diikuti, termasuk bermula daripada keperluan ladang, keperluan tempat pembungkusan, keperluan sijil fitosanitasi, dokumentasi, logistik, sehingga pelepasan kastam.

Langkah utama sebelum mengeksport:



 **Persediaan ladang**

Setiap ladang yang ingin mengeksport perlu mematuhi syarat asas berikut:

1. Berdaftar dengan Jabatan Pertanian Malaysia dan mematuhi Amalan Pertanian Baik (MyGAP).
2. Mempunyai rekod ladang yang lengkap dan dikemas kini, termasuk:
 - a) rekod pembajaan
 - b) rekod kutipan hasil
 - c) rekod penggunaan racun
 - d) rekod rawatan perosak
 - penyakit
3. Ladang bebas perosak kuarantin mengikut keperluan negara pengimport (contohnya lalat buah).
4. Ladang dipastikan memenuhi keperluan khas negara pengimport, contohnya bagi negara China, ladang wajib berdaftar dengan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan diluluskan GACC China.



Setiap negara pengimport mempunyai keperluan khas tertentu. Rujuk Jadual 1 bagi keperluan persediaan ladang khas bagi setiap negara.



Persediaan pusat /premis pembungkusan

1. Pusat pembungkusan hendaklah dipastikan bersih, dan memenuhi keperluan fitosanitasi yang ditetapkan oleh negara pengimport.
2. Pusat pembungkusan hendaklah menggunakan kaedah pembungkusan yang mematuhi standard negara pengimport.
3. Pusat pembungkusan hendaklah memenuhi keperluan khas negara pengimport. Rujuk Jadual 1 bagi keperluan khas setiap negara.
4. Penggredan, pembungkusan dan pelabelan hendaklah memenuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh FAMA dan mendapatkan pengesahan gred buah bagi tujuan eksport.



Pendaftaran sebagai pengeksport

Sebelum produk pertanian segar boleh keluar dari Malaysia, pengeksport **WAJIB**:

1. Diiktiraf sebagai entiti sah (syarikat berdaftar) iaitu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Berdaftar sebagai pengeksport melalui sistem [DagangNet](#). Untuk syarikat biasanya akan dilakukan oleh *forwarder* atau *Customs broker* akan mewakili syarikat pengeksport untuk urusan DagangNet atau untuk pengeksport individu dilakukan oleh agen penghantaran yang sudah berlesen & mempunyai ID DagangNet.
3. Untuk pengeksport nanas, berdaftar juga dengan Lembaga [Perindustrian Nanas Malaysia \(LPNM\)](#).
4. Berdaftar dengan [Jabatan Pertanian \(DOA\)](#) untuk permohonan sijil fitosanitasi.



Dokumentasi eksport

Pengeksport hendaklah memastikan semua dokumentasi eksport dipenuhi dan tersedia seperti berikut:

- a) Permit Eksport dari Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
- b) Lesen eksport dari LPNM untuk komoditi Nanas
- c) Sijil Perakuan Pematuhan (CoC) dari FAMA
- d) Sijil Fitosanitasi dari Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
- e) Inbois
- f) Senarai Barangan
- g) Bill of Lading / Airway Bill
- h) Borang pengistiharan Kastam (Borang Kastam No. 2)

Dokumentasi Tambahan (Sekiranya diperlukan oleh negara Pengimport):

- i. Permit import
- ii. Sijil tempasal dari MITI melalui atau FMM
- iii. Sijil kesihatan (produk diproses minima)
- iv. *Certificate of Analysis* (CoA) yang dikeluarkan oleh makmal yang disahkan atau diakreditasi ISO/IEC 17025 – diperlukan bagi negara-negara dan produk tertentu Rujuk Jadual 1.

Pautan sistem permohonan:



1. Pendaftaran pengeksport – DAGANGNET: <https://www.dagangnet.com/>
2. Pendaftaran pengeksport nanas dan permohonan lesen eksport – LPNM: <https://www.bless.gov.my/bless/> <http://myphyto.gov.my>
3. Permohonan permit eksport – MAQIS: [ePermit – Dagang Net Technologies Sdn Bhd](#)
4. Pendaftaran dan permohonan sijil fitosanitasi – DOA: [Jabatan Pertanian Malaysia | National Phytosanitary Certificate System](#)
5. Permohonan Perakuan Pematuhan (CoC) – FAMA: <http://www.e3p.fama.gov.my>
6. Permohonan sijil tempasal dari MITI: <https://newepco.dagangnet.com.my>



Logistik dan penghantaran

1. Memastikan syarikat logistik yang dipilih adalah yang berpengalaman dalam penghantaran produk segar.
2. Memastikan pembungkusan dan pelabelan mengikut piawaian negara sasaran eksport. Rujuk Jadual 1 untuk keperluan khas negara sasaran eksport.



Pelepasan kastam dan kuarantin

1. Konsainan akan diperiksa oleh Kastam Diraja Malaysia dan MAQIS sebelum dihantar.
2. Pemeriksaan tambahan mungkin dilakukan di negara pengimport. Rujuk kepada keperluan melalui laman web agensi berkaitan di negara pengimport (rujuk Jadual 2).
3. Pastikan semua dokumen lengkap untuk mempercepatkan pelepasan.

MULA

1 Persediaan awal

- Kenal pasti kod HS produk & negara destinasi.
- Rujuk keperluan negara pengimport (piawaian, permit, sijil, pelabelan).
- Daftar premis/ladang dengan agensi berkaitan (DOA, BKMM, GACC, SFDA, dll.).
- Pastikan pensijilan keselamatan & kualiti (MyGAP, GMP, HACCP, dan ISO 22000)

2 Pendaftaran dan penyenaian

- Premis dan/atau ladang didaftarkan dengan pihak berkuasa Malaysia dan jika perlu, tersenarai di negara pengimport.
- Mohon kelulusan pra-pengeksportan (contoh: *compliance listing, pre-listing approval*) HACCP dan ISO 22000).

3 Pemprosesan, pembungkusan dan pelabelan

- Pemprosesan mengikut protokol akses pasaran (contoh: suhu sejuk, suhu sejuk beku).
- Pembungkusan tidak melebihi 30 kg.
- Label mengikut peraturan GPL FAMA (Nama Pengeksport, Nama Pengimport, Gred, Saiz, Berat Bungkusan, Negara/Tempat Asal) dan Produce of Malaysia.

4 Pelantikan Ajen Penghantar

- Berdaftar dengan pihak KASTAM.
- Mempunyai pengalaman dalam penghantaran produk Segar
- Berdaftar dengan rangkaian Ajen Antarabangsa seperti IASA, AITA

5 Penyediaan Dokumen Eksport

- Permit eksport
- Sijil Perakuan Pemuatan (COC)
- Sijil Fitosanitari
- Komersial Inbois
- Packing List
- Bill of Lading/Airway Bill.
- Borang Kastam No. 2

Dokumen tambahan:-

- Sijil Tempasal (COO) – jika diperlukan
- Permit import - jika diperlukan

6 Pelepasan MAQIS & KASTAM

- Pengiklanan semua dokumen untuk pelepasan kastam.
- Pemeriksaan fizikal/kuarantin di pintu keluar.

7 Penghantaran dan Pemeriksaan

- Ketibaan di pintu masuk negara pengimport.
- Pemeriksaan biosekuriti & keselamatan makanan.
- Pelepasan kargo kepada pengimport.

EXPORT

JADUAL 1.
KEPERLUAN EKSPORT MENGIKUT KOMODITI DAN NEGARA

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
1. China	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelapa – segar 2. Durian – segar (sebij) 3. Durian - sejuk beku (ulas & pes) 4. Durian - sejuk beku (sebij) 5. Nangka - segar (sebij) 6. Manggis – segar 7. Betik – segar 8. Nanas – segar 9. Rambutan – segar 10. Tembikai – segar 11. Belimbing besi – segar (dalam rundingan) 12. Pisang – segar (dalam rundingan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan ladang dan pusat pembungkusan bagi semua komoditi yang dinyatakan (kecuali untuk komoditi segar manggis, rambutan, tembikai, kelapa) adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Ladang hendaklah diakreditasi dengan myGAP dan melaksanakan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) untuk mengawal perosak tumbuhan dan penyakit. b) Ladang hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) melalui https://agrotrade.kpk.gov.my/login dan diluluskan oleh <i>General Administration of Customs of the People's Republic of China</i> (GACC). c) Fasiliti Pemprosesan yang berdaftar dengan DOA melalui https://agrotrade.kpk.gov.my/login dan diakreditasi oleh GACC; d) Bagi komoditi Kelapa – segar, ladang dan fasiliti pemprosesan hendaklah berdaftar dengan DOA. e) Bagi komoditi Manggis - segar dan Rambutan – segar, fasiliti pemprosesan hendaklah berdaftar dengan DOA.

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan khas pembungkusan: <ol style="list-style-type: none"> a) Bagi komoditi Nangka – segar, hendaklah mematuhi prosedur pembungkusan buah (pra-tuai) dalam protokol eksport. Buah hendaklah dituai bersama plastik pembungkusan dan hanya boleh dibuka di pusat pemprosesan sahaja. Buah perlu disimpan pada suhu 8 °C sepanjang proses eksport. b) Bagi komoditi Durian sejuk beku (ulas) hendaklah dibekukan pada suhu -30 °C selama 30 minit dan disimpan serta dieksport pada suhu -18 °C atau kurang; c) Bagi komoditi Durian sejuk beku (sebijji) hendaklah dibekukan pada suhu -80 °C hingga -110 °C tidak kurang daripada 1 jam dan hendaklah disimpan dan dieksport pada suhu -18 °C atau kurang; d) Bagi komoditi Betik - segar, Rambutan - segar dan Manggis - segar, lubang pengudaraan pada kotak pembungkusan hendaklah ditutup dengan jaring dawai mesh bersaiz 32; • Keperluan rawatan dan pusat pemprosesan: <ol style="list-style-type: none"> a) Kemudahan pemprosesan durian sejuk beku - ulas dan sebijji, atau pes sejuk beku hendaklah diiktiraf dengan GMP daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>b) Bagi komoditi Tembikai – segar, Manggis – segar, Rambutan – segar, tiada rawatan diperlukan tetapi hendaklah bebas daripada sebarang perosak tumbuhan dan penyakit;</p> <p>c) Bagi komoditi Durian – segar, tiada rawatan diperlukan tetapi hendaklah bebas daripada sebarang perosak dan penyakit tumbuhan termasuk perosak kuarantin yang membimbangkan China seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> – <i>Dysmicoccus neobrevipes</i> – <i>Planococcus minor</i> – <i>Planococcus lilacinus</i> – <i>Icerya pulchra</i> – <i>Mudaria luteileprosa</i> – <i>Rastrococcus iceryoides</i> – <i>Albonectria rigidiuscula</i> <p>d) Bagi komoditi Betik – segar, buah hendaklah bebas daripada semua peringkat lalat buah. Buah hendaklah dirawat menggunakan Rawatan Air Panas (HWT) pada suhu 46.5°C selama 10 minit di pusat rawatan berdaftar dengan DOA Malaysia dan diluluskan oleh GACC.</p> <p>e) Bagi komoditi Nanas-segar, buah hendaklah dirawat dengan 48 g/m³ ethyl formate selama 4 jam, diikuti dengan rawatan sejuk dengan suhu di bawah 7°C selama 10 hari.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan dokumentasi: <ul style="list-style-type: none"> a) Lesen eksport dari MAQIS

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<ul style="list-style-type: none"> b) Lesen eksport dari LPNM untuk komoditi Nanas-segar. c) Sijil fitosanitasi bagi semua komoditi yang dinyatakan d) Sijil tempasal (COO) dari MITI e) Sijil CoC (FAMA) f) Sijil Kesihatan dari KKM untuk komoditi Durian – sejuk beku ulas dan pes) g) CoA bagi komoditi Betik, Nanas, Durian (sejuk beku dan pes) – bagi membuktikan rawatan (HWT, ethyl formate, suhu beku). h) Inbois (Invoice) i) Packing List j) Air Waybill/Bill of Lading <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan Pelabelan (Bahasa Chinese/English) <ul style="list-style-type: none"> a) Nama Komoditi, Varieti, tarikh pengeluaran, kawasan pengeluaran, negara pengeksport, Nama Ladang, Alamat Ladang, No. Pendaftaran ladang, nama pusat pemprosesan, No. Pendaftaran pusat pemprosesan, suhu penyimpanan, No batch, nama pengeksport, Alamat pengeksport, nama pengimport, alamat pengimport, berat bersih, gred, tempat Asal dan deklarasasi 'Exported To The People's Republic of China'.
2. Australia	1. Semua jenis buah-buahan kecuali pisang – sejuk beku	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan bagi semua jenis buah – sejuk beku (semua bentuk) kecuali pisang:

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
	<p>(semua bentuk)</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Kelapa – segar 3. Durian – <i>chilled pulp</i> 4. Durian – sejuk beku (semua bentuk) 5. Durian – sejuk beku (ulas dan pes) 6. Nangka (minimal proses) 7. Nanas (minimal proses) 8. Manggis – segar (dalam rundingan) 9. Betik – segar (dalam rundingan) 10. Nanas – segar (dalam rundingan) 11. Belimbing – segar (dalam rundingan) 	<ol style="list-style-type: none"> a) Setiap konsainan hendaklah disahkan telah menjalani proses pembekuan yang sesuai (pengisytiharan pembekuan diperlukan - sijil/surat deklarasi pembekuan); b) Suhu teras -18 °C atau ke bawah hendaklah dikekalkan untuk tempoh 7 hari dan hendaklah sampai ke Australia dalam keadaan beku. c) Bebas daripada sebarang tumbuhan dan penyakit. <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan komoditi kelapa – segar: <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil Fitosanitasi b) Kelapa hendaklahlah belum matang c) Perlu ada pengisytiharan tambahan "Kelapa yang belum matang sahaja". d) Setiap konsainan barangan hendaklah dibungkus dalam bungkusan yang bersih dan baharu; e) Setiap konsainan hendaklah menggunakan pilihan pembungkusan selamat dan kukuh (kalis serangga) bermula dari sebelum penghantaran untuk mengekalkan integriti kuarantin semasa ketibaan dengan. f) Kelapa hendaklahlah bebas daripada tangkai dan sampah yang berlebihan (termasuk daun, rumpai, tanah atau bendasing lain).

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan komoditi durian – <i>chilled pulp</i>, durian – sejuk beku (semua bentuk): <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil Fitosanitasi untuk kedua-dua jenis komoditi durian b) Keperluan pusat pembungkusan untuk durian – <i>chilled pulp</i>, hendaklah berdaftar dengan DOA dan mendapat pensijilan GMP daripada KKM. c) Keperluan rawatan dan pembungkusan untuk komoditi durian – <i>chilled pulp</i>, <ul style="list-style-type: none"> – Buah hendaklah bebas daripada <i>durian seed borer</i> (<i>Mudaria luteileprosa</i> Holloway) dan <i>durian fruit borer</i> (<i>Mudaria magniplaga</i> Walker); – Buah hendaklah dibungkus di dalam kotak atau <i>tray</i> jernih; – Setiap konsainan hendaklah disertai dengan <i>Manufacturer's Declaration</i> memperincikan maklumat kuantiti buah dan maklumat pemprosesan buah seperti yang dikehendaki oleh <i>Department of Agriculture, Fisheries and Forestry Australia</i> (DAFF). Rujuk laman web DAFF di Jadual 2. d) Keperluan pembungkusan bagi komoditi durian – sejuk beku (semua bentuk), hendaklah disimpan pada suhu

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>-18 °C selama 7 hari sebelum diekspor.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan komoditi nangka (minimal proses): <ul style="list-style-type: none"> a) Ladang hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan dipersijilkan dengan MyGAP. b) Pusat pemprosesan hendaklah berdaftar dengan DOA dan dipersijilkan dengan GMP oleh KKM. c) Pusat pemprosesan dipersijilkan dengan Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP). d) Sijil Fitosanitasi dengan pengisytiharan/deklarasi tambahan berkenaan: <i>The fruit in this consignment has been produced and processed in Malaysia in accordance with the Systems approach for semi-process jackfruit (Artocarpus heterophyllus) for export to Australia</i>” AND <i>“The fruit has been inspected and found free of quarantine pests, including jackfruit borer (Glyphodes caesalis Walker), carambola fruit fly (Bactrocera carambolae), oriental fruit fly (Bactrocera dorsalis), Artocarpus fruit fly</i>

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>(<i>Bactrocera umbrosa</i>), melon fly (<i>Zeugodacus cucurbitae</i>) and fruit bronzing (<i>Pantoea stewartia</i> subsp. <i>stewartii</i>).</p> <p>e) Perlu mendapatkan Permit Import daripada: https://bicon.agriculture.gov.au/</p> <p>f) Tiada rawatan diperlukan tetapi tetapi hendaklah bebas daripada sebarang perosak dan penyakit tumbuhan, bendasing lain dan bahan berisiko biosekuriti.</p> <p>g) Setiap konsainan hendaklah selamat dan kukuh untuk penghantaran dengan menggunakan salah satu kaedah seperti <i>integral carton</i>, lubang pengudaraan atau karton yang dilapisi lapisan polythene.</p> <p>h) Komoditi hendaklah dibungkus dalam vakum di dalam pembungkus plastik yang bersih, baharu dan jernih. Label pada pembungkus hendaklah tidak menghalang pandangan jelas dari atas, sisi dan bawah segmen individu.</p> <p>i) Setiap pakej atau karton hendaklah mengandungi maklumat berikut: i) <i>Product of Malaysia for Australia</i>, ii) maklumat segmen buah nangka, iii) tempat penghasilan, iv) kod</p>

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>pendaftaran ladang, v) nama pusat pembungkusan, alamat dan/atau nombor pendaftaran dan tarikh pembungkusan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan bagi komoditi nanas – minimal proses: <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil Fitosanitasi b) Pusat pemprosesan hendaklah berdaftar dengan DOA dan dipersijilkan dengan GMP oleh KKM. c) Komoditi hendaklah melalui proses berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Dibasuh dan dibersihkan ii. Dikupas (tiada kulit, <i>crow</i>n atau daun dibenarkan) iii. Dihiris iv. Dibungkus dalam bekas baharu dan bersih v. Disejukkan e) Setiap konsainan hendaklah disertakan dengan Manufacturer's Declaration yang memperincikan maklumat mengenai kuantiti buah dan maklumat pemprosesan buah seperti yang dikehendaki oleh DAFF. • Keperluan dokumentasi: <ul style="list-style-type: none"> a) Lesen eksport dari MAQIS b) Lesen eksport dari LPNM untuk komoditi Nanas - (minimal proses) c) Sijil Kesihatan dari KKM untuk semua komoditi – sejuk beku ulas

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>dan pes)</p> <ul style="list-style-type: none"> d) Sijil Fitosanitasi untuk komoditi durian – <i>chiled pulp</i>, durian – sejuk beku (semua bentuk), kelapa – segar, nanas - (minimal proses), dan nangka – (minimal proses). e) Perakuan pembekuan melalui sijil/surat pengisytiharan/deklarasi pembekuan) untuk semua jenis komoditi buah-buahan kecuali pisang –sejuk beku (semua bentuk). f) Sijil tempasal daripada MITI g) Sijil CoC (FAMA) h) Permit import bagi komoditi nangka – (minimal proses) i) CoA bagi durian <i>chilled pulp</i>, nangka – (minimal proses), buah sejuk beku j) Invois (Invoice) k) Packing list l) Aairway bill/bill of lading
3. Singapura	Semua jenis buah (semua bentuk)	<ul style="list-style-type: none"> • Premis pemprosesan hendaklah berdaftar dengan program MyFood Tag di bawah KKM. Pendaftaran bagi MyFood tag boleh dibuat menggunakan borang permohonan dan senarai semak (Borang KKM-RM1/22 dan Borang KKM-RM-2/22, yang boleh diperolehi dari http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/index.php. Hanya fasiliti pemprosesan yang disenaraikan dalam Senarai Premis Diluluskan untuk hasil segar (<i>fresh produce</i>) dibenarkan untuk dieksport

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>ke Singapura</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada keperluan Sijil Fitosanitasi • Tiada rawatan diperlukan tetapi buah hendaklah bebas daripada sebarang perosak dan penyakit tumbuhan. • Keperluan dokumentasi: <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil CoC (FAMA) b) Lesen eksport daripada LPNM untuk komoditi nanas - segar. c) Invois (Invoice) d) Packing list
<p>4. Hong Kong</p>	<p>Semua jenis buah (semua bentuk)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada keperluan lesen import atau Sijil Fitosanitasi • Keperluan dokumentasi: <ul style="list-style-type: none"> a) Lesen Eksport (MAQIS) b) Lesen eksport dari LPNM untuk komoditi Nanas-segar. c) Sijil tempasal (COO) dari MITI d) Sijil CoC (FAMA) e) Inbois (Invoice) f) Packing List g) Airway bill/Airway bill/bill of lading
<p>5. Negara Timur Tengah</p>	<p>Semua jenis buah (semua bentuk)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada rawatan diperlukan tetapi buah hendaklah bebas daripada sebarang perosak dan penyakit tumbuhan. • Keperluan dokumentasi: <ul style="list-style-type: none"> a) Lesen Eksport (MAQIS) b) Lesen eksport dari LPNM untuk komoditi Nanas-segar. c) Sijil tempasal (COO) dari MITI d) Sijil fitosanitasi e) Sijil CoC (FAMA) f) Inbois (Invoice) g) Packing List h) Air Waybill/Bill of Lading

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
6. Negara Eropah	Semua jenis buah (semua bentuk)	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada rawatan diperlukan tetapi buah hendaklah bebas dari sebarang perosak dan penyakit tumbuhan. <ul style="list-style-type: none"> a) Mematuhi peraturan Nilai maksimum residu yang ditetapkan. EU mempunyai senarai MRL yang ketat di bawah EU Pesticide Regulation. • Keperluan dokumentasi: <ul style="list-style-type: none"> a) Lesen Eksport (MAQIS) b) Lesen eksport dari LPNM untuk komoditi Nanas-segar. c) Sijil tempasal (COO) dari MITI/FMM d) Sijil Kesihatan dari KKM untuk semua komoditi – sejuk beku ulas dan pes) e) Sijil fitosanitasi f) Sijil CoC (FAMA) g) CoA bagi menunjukkan produk bebas residu racun (MRL). Produk boleh ditolak masuk jika gagal ujian rawak MRL. h) Inbois (Invoice) i) Packing List j) Air Waybill/Bill of Lading
7. Jepun	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua jenis buah-buahan – kering (kecuali oren, asam jawa dan buah delima), sejuk beku - (kecuali walnut (semua bentuk) 2. Kelapa – segar, 	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan bagi komoditi buah kering dan sejuk beku: <ul style="list-style-type: none"> a) Buah sejuk beku hendaklah disimpan pada suhu -17.8 °C b) Tiada keperluan Sijil Fitosanitasi bagi buah-buahan kering dan sejuk beku. • Keperluan bagi komoditi kelapa –

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
	3. Durian - segar (biji), 4. Durian - beku kering 5. Nangka - sejuk beku (Biji dan ulas) 6. Mangga (Harumanis sahaja) - segar, 7. Manggis - sejuk beku 8. Nanas - segar 9. Nangka – segar (dalam rundingan) 10. Nangka – minimal proses (dalam rundingan) 11. Batik - segar (dalam rundingan) 12. Rambutan - segar (dalam rundingan) 13. Tembikai - segar (dalam rundingan)	segar dan durian - segar: a) Sijil Fitosanitasi b) Tiada rawatan diperlukan tetapi buah hendaklah bebas daripada sebarang perosak dan penyakit tumbuhan. • Keperluan bagi komoditi durian – beku kering dan nangka – sejuk beku: a) Sijil Fitosanitasi b) Durian – beku kering (sebiji atau ulas) dan nangka – sejuk beku (sebiji, ulas) hendaklah disimpan pada suhu -17.8 °C atau lebih rendah. • Keperluan bagi komoditi Mangga (Harumanis): a) Ladang hendaklah berdaftar dengan DOA Malaysia. b) Sijil fitosanitasi daripada DOA Malaysia yang telah disahkan oleh Ministry of Agriculture, Forestry and Fisheries (MAFF) Jepun. c) Buah hendaklah dirawat menggunakan Rawatan Haba Wap (Vapour Heat Treatment, VHT) pada suhu 46.5 °C selama 20 minit di pusat rawatan yang berdaftar dengan DOA Malaysia dan diluluskan oleh MAFF Jepun. • Keperluan bagi komoditi manggis – sejuk beku a) Sijil Fitosanitasi b) Manggis – sejuk beku (sebiji atau

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>ulas) hendaklah disimpan pada suhu -17.8 °C selama 7 hari sebelum diekspor.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan dokumentasi: <ul style="list-style-type: none"> a) Lesen Eksport (MAQIS) b) Lesen eksport dari LPNM untuk komoditi Nanas-segar. c) Sijil Kesihatan dari KKM untuk semua komoditi – sejuk beku ulas dan pes) d) Sijil MJEPA dari MITI e) Sijil fitosanitasi bagi komoditi kelapa – segar, Durian – segar, Durian – beku kering, Nangka - sejuk beku, Manggis -sejuk beku dan Mangga (Harumanis). f) Sijil CoC (FAMA) g) CoA terutamanya untuk komoditi beku kering h) Ingredient produk (komoditi beku kering) i) Carta alir proses produk (komoditi beku kering) j) Inbois (Invoice) k) Packing List l) Air Waybill/Bill of Lading
8. Thailand	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelapa - segar 2. Durian - segar 3. Durian - sejuk beku (semua bentuk) 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada rawatan diperlukan tetapi buah hendaklah bebas daripada sebarang perosak dan penyakit tumbuhan. • Keperluan dokumentasi: <ul style="list-style-type: none"> a) Lesen Eksport (MAQIS) b) Lesen eksport dari LPNM untuk komoditi Nanas-segar c) Sijil Fitosanitasi d) Sijil tempasal darpada MITI

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		e) Sijil CoC (FAMA) f) Invois (Invoice) g) Packing list h) Airway bill/Bill of Lading
9. Taiwan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelapa - segar, 2. Durian – sejuk (ulas) 3. Durian - sejuk beku (semua bentuk) 4. Tembikai susu – segar, 5. Nangka – sejuk (ulas) 6. Nanas – segar 7. Tembikai – segar 8. Durian – segar (dalam rundingan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan bagi komoditi kelapa – segar, tembikai susu - segar, nanas – segar, dan tembikai - segar: Tiada rawatan diperlukan tetapi buah hendaklah bebas daripada sebarang perosak dan penyakit tumbuhan. • Nanas – segar hendaklah dibuang jambul (<i>decrowned</i>) • Kelapa - segar perlu dikupas. • Durian – sejuk (ulas) dan nangka – sejuk (ulas) perlu disimpan pada suhu 1 °C ke 2 °C sebelum dieksport. • Durian – sejuk beku (sebiju atau ulas) hendaklah disimpan pada suhu 18 °C selama 7 hari sebelum dieksport. • Keperluan dokumentasi: <ol style="list-style-type: none"> 1. Lesen Eksport (MAQIS) 2. Lesen eksport dari LPNM untuk komoditi Nanas-segar 3. Sijil Fitosanitasi untuk semua komoditi yang dinyatakan 4. Sijil tempasal daripada MITI 5. Sijil CoC (FAMA) 6. Invois (Invoice) 7. Packing list 8. Airway bill/bill of lading

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
10. Amerika Syarikat (USA)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Durian – sejuk beku (semua bentuk) 2. Nangka – segar (dalam rundingan) 3. Nangka – minimal proses (dalam rundingan) 4. Betik – segar (dalam rundingan) 5. Nanas - segar (dalam rundingan) 6. Rambutan – segar (dalam rundingan) 7. Belimbing - segar (dalam rundingan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Durian sejuk beku (sebiji atau ulas) hendaklah melalui proses rawatan yang setara dengan proses rawatan yang dinyatakan oleh <i>Animal and Plant Health Inspection Service</i> (APHIS) seperti yang dinyatakan dalam manual rawatan US. Department of Agriculture (USDA) • Durian sejuk beku (sebiji atau ulas) hendaklah sampai dalam masa 48 jam dan kekal sejuk beku pada suhu di bawah -6.7 °C ketika sampai di USA. • Keperluan dokumentasi: <ol style="list-style-type: none"> a) Lesen Eksport (MAQIS) b) Sijil Kesihatan dari KKM untuk semua komoditi – sejuk beku ulas dan pes) c) Sijil Fitosanitasi d) Sijil tempasal daripada FMM e) Sijil CoC (FAMA) f) CoA – bagi komoditi durian sejuk beku g) Invois (Invoice) h) Packing list i) Airway bill/bill of lading
11. Vietnam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Durian – segar 2. Durian - sejuk beku (semua bentuk) 3. Nangka - sejuk, ulas) 4. Tembikai Susu - segar (Biji) 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada rawatan diperlukan tetapi buah hendaklah bebas daripada sebarang perosak dan penyakit tumbuhan. • Keperluan dokumentasi: <ol style="list-style-type: none"> a) Lesen Eksport (MAQIS) b) Sijil tempasal daripada MITI c) Sijil CoC (FAMA) d) Invois (Invoice) e) Packing List f) Airway bill/Bill of Lading

NEGARA	PRODUK PERTANIAN SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
12. Kanada	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua jenis buah-buahan tropika (semua bentuk) 2. Tembikai - segar 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada keperluan permit import atau Sijil Fitosanitasi • Semua penghantaran hendaklah bebas daripada tanah, bahan berkaitan tanah, perosak, daun atau serpihan daun. • Keperluan dokumentasi: <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil tempasal daripada MITI b) Sijil CoC (FAMA) c) Invois (Invoice) d) Packing list e) Airway bill/bill of lading

JADUAL 2.
AGENSI KAWALAN IMPORT DI NEGARA SASARAN
BERSERTA PAUTAN LAMAN WEB RASMI SETIAP AGENSI

No.	Negara	Agensi/Badan Kuarantin	Pautan Laman Web
1.	Amerika Syarikat (USA)	USDA APHIS	https://www.aphis.usda.gov
2.	China	GACC	http://english.customs.gov.cn
3.	Australia	DAFF	https://www.agriculture.gov.au
4.	Jepun	MAFF	https://www.maff.go.jp/e
5.	Singapura	SFA	https://www.sfa.gov.sg
6.	Thailand	DOA Thailand	http://www.doa.go.th
7.	Vietnam	PPD MARD	https://www.ppd.gov.vn
8.	Hong Kong	CEDD / AFCD	https://www.customs.gov.hk & https://www.afcd.gov.hk
9.	Taiwan	BAPHIQ	https://www.baphiq.gov.tw
10.	Kanada	CFIA	https://inspection.canada.ca
11.	Kesatuan Eropah (EU)	European Commission DG SANTE	https://food.ec.europa.eu
12.	Timur Tengah (UAE)	MOCCA UAE	https://www.moccae.gov.ae

PANDUAN EKSPORT

Bahagian 2. Panduan mengeksport produk agromakanan proses

Panduan ini disediakan untuk membantu individu atau syarikat yang pertama kali ingin mengeksport produk agromakanan proses dari Malaysia. Panduan ini boleh digunakan oleh pengguna sama ada individu, syarikat atau agen-agen yang mewakili syarikat yang ingin membawa produk makanan proses ke luar negara bagi 12 negara yang dinyatakan.

Langkah utama sebelum mengeksport produk agromakanan proses

1



Pendaftaran dan penyenaiaan premis pemprosesan

1. Premis pemprosesan makanan proses perlu berdaftar dengan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
2. Premis hendaklah mematuhi atau dipersijilkan dengan GMP dan/atau HACCP; sesetengah pasaran memerlukan ISO 22000 atau FSSC 22000.
3. Bagi produk tertentu, premis perlu disenaraikan dan diluluskan oleh pihak berkuasa negara pengimport, contohnya:
 - GACC (China) – untuk semua premis pengeluar makanan proses yang dieksport ke China.
 - SFDA (Arab Saudi) – untuk produk ikan dan hasilnya.
 - FDA Taiwan – untuk telur, produk telur, dan produk susu tertentu.
 - DAH Vietnam – untuk produk daging dan hasilnya.
 - Permohonan penyenaiaan biasanya melibatkan audit teknikal, dokumentasi sistem keselamatan makanan, dan kelulusan rasmi sebelum eksport.

4. Pengeksport hendaklah memastikan keperluan eksport seperti di Jadual 3 dipenuhi. Walaubagaimanapun keperluan yang dinyatakan bagi setiap negara mungkin berubah dari masa ke semasa, pengeksport hendaklah merujuk laman rasmi KKM, DOA, DVS, DOF dan pihak berkuasa negara import untuk maklumat terkini sebelum menghantar produk.

2



Memenuhi keperluan standard dan perundangan negara pengimport

1. Setiap negara mempunyai piawaian dan undang-undang makanan tersendiri, contohnya:
 - USA – *Food Safety Modernization Act (FSMA)*,
 - Kanada – *Safe Food for Canadians Regulations (SFCR)*,
 - Kesatuan Eropah (EU) – *General Food Law Regulation*,
2. Semua keperluan perundangan berkaitan makanan oleh negara pengimport ini hendaklah disemak dan dipatuhi.

3



Memohon permit import dan dokumen kelulusan awal

1. Hubungi pembeli/importer di negara sasaran untuk memohon permit import daripada pihak berkuasa tempatan mereka.
2. Sesetengah pasaran memerlukan Kelulusan Pra-Pengeksportan seperti *compliance listing* atau *pre-listing approval* sebelum penghantaran.
3. Untuk produk daging, tenusu, dan hasil haiwan, keperluan tambahan seperti *Veterinary Health Certificate* atau Sijil Kesihatan mungkin diperlukan.

4



Permohonan Sijil Kesihatan dan penyediaan dokumentasi eksport

1. Mohon Sijil Kesihatan Makanan daripada BKKM melalui sistem permohonan rasmi.
2. Dokumen eksport lain yang diperlukan hendaklah disediakan seperti berikut:
 - *Certificate of Analysis (COA)* yang dikeluarkan oleh makmal yang disahkan atau diakreditasi ISO/IEC 17025 – diperlukan bagi negara dan produk tertentu sekiranya diperlukan
 - Sijil tempasal (*Certificate of Origin, COO*)
 - Sijil Veterinar, untuk produk berasaskan haiwan.
 - *Free Sale Certificate* bagi pengesahan produk dibenarkan dijual di Malaysia.
 - Sijil Halal (JAKIM) – sekiranya perlu dan diminta oleh pasaran.
 - Invois dan senarai penghantaran
 - *Bill of lading/airway bill*
 - Borang pengisytiharan Kastam (Borang Kastam No. 2)
 -
3. Semua sijil/dokumen hendaklah dipastikan asli, lengkap, dan konsisten dengan maklumat pada pelabelan.

5



Memastikan pelabelan dan pembungkusan mengikut keperluan negara import

1. Pastikan label mematuhi format, bahasa, dan kandungan wajib mengikut peraturan yang ditetapkan di negara sasaran eksport antaranya:
 - Nama produk, senarai ramuan, maklumat nutrien, tarikh luput, kod lot, negara asal.
 - Pernyataan alergen (seperti kacang, gluten, susu, dll.).
 - Pelabelan dwibahasa bagi pasaran seperti Kanada.
 - Pelabelan bahasa tempatan seperti Bahasa Cina (China) atau Bahasa Jepun (Jepun).

2. Pembungkusan yang sesuai hendaklah digunakan untuk mengekalkan kualiti, keselamatan, dan mematuhi piawaian keselamatan makanan.

6



Penghantaran dan kebolehesanan (*Traceability*)

Pastikan sistem kebolehesanan lot dari kilang pemprosesan hingga ke titik destinasi akhir.

1. Rekod seperti tarikh pengeluaran, kod lot, destinasi eksport, nama pembeli/*importer*. Dokumen penghantaran seperti *bill of lading*, *invois*, dan senarai pembungkusan (*packing list*) hendaklah disimpan.
2. Sistem kebolehesanan hendaklah dipastikan berkesan bagi membolehkan tindakan penarikan balik (*recall*) dilakukan dengan cepat jika terdapat isu keselamatan makanan.

JADUAL 3.
KEPERLUAN EKSPORT PRODUK AGROMAKANAN
PROSES MENGIKUT NEGARA

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
1. China	<p>Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (beverages), pes masakan dan perasa makanan, sos, rempah ratus, biskut, snek/bijirin, jem/sapuan/puri, madu/produk berasaskan madu, daging/produk berasaskan daging, produk tenusu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Premis pemprosesan hendaklah mendapat persijilan HACCP daripada KKM, atau <i>Food Safety Management System</i> (FSMS) daripada badan pensijilan diakreditasi. 2. Premis pemprosesan hendaklah berdaftar dengan KKM di <i>Food Safety Information System of Malaysia</i> (FoSIM) https://fosim.moh.gov.my 3. Semua pengeksport makanan luar negara hendaklah berdaftar dengan Biro Keselamatan Makanan Import dan Eksport, General Administration of Customs China (GACC) melalui https://www.gacc.app/food-exporter-registration 4. Mana-mana premis yang terlibat dalam pengeluaran, pembuatan atau penyimpanan produk makanan yang ingin dieksport ke China hendaklah berdaftar dalam sistem GACC. Tanggungjawab untuk pendaftaran GACC terletak pada pengilang atau pemilik premis. 5. Rujuk kategori pendaftaran pengilang atau premis pemprosesan berdasarkan kategori risiko makanan melalui https://www.gacc.app/china-gacc-

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>18-categories-food-list-details-hs-code. Terdapat empat kategori pendaftaran berdasarkan risiko iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran GACC bagi pengilang makanan berisiko rendah, GACC-I • Pendaftaran GACC bagi pengilang makanan berisiko sederhana, GACC-II • Pendaftaran GACC bagi pengilang makanan berisiko tinggi, GACC-III • Pendaftaran GACC untuk pengeksporn makanan yang di import luar negara, GACC-E. <p>6. Keperluan terperinci bagi jenis produk boleh disemak melalui portal FoodGACC di https://www.foodgacc.com/GACC-AQSIQ-CNCA-CIQ-IRE-CIFER-Singlewindow-self-registration</p> <p>7. Keperluan khas:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Daging/Produk daging <ul style="list-style-type: none"> – Premis dan pengeksporn hendaklah berdaftar dengan GACC melalui Jabatan Veterinar – Sijil Kesihatan Veterinar. – Sijil Halal (sekiranya perlu). – Bebas penyakit Foot and mouth disease (FMD), Bovine spongiform encephalopathy (BSE), sisa antibiotik berlebihan. • Produk tenusu <ul style="list-style-type: none"> – Premis berdaftar dengan

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>GACC.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perlu Sijil Kesihatan Veterinar. - Perlu menjalani ujian baki antibiotik, aflatoksin, melamin. <ul style="list-style-type: none"> • Madu/Produk berasaskan madu <ul style="list-style-type: none"> - Premis berdaftar dengan GACC. - Perlu Sijil Kesihatan Makanan. • Produk kesihatan (<i>functional food/supplement</i>) <ul style="list-style-type: none"> - Perlu berdaftar sebagai <i>special food</i> di GACC. - Perlu pengesahan pihak berkuasa Malaysia (KKM). <p>8. Keperluan pelabelan: Semua produk makanan hendaklah mempunyai label dalam Bahasa Cina – mengikut keperluan China GB Standard.</p> <p>9. Permohonan bagi sijil kesihatan boleh dibuat menggunakan sistem atas talian iaitu https://fosim.moh.gov.my/fssm/public/home mengikut syarat dan kriteria permohonan yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Pengeluaran Sijil Kesihatan Bagi Produk Makanan dan Bahan Bersentuhan Makanan.</p>
2. Australia	Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, biskut, jem/sapuan/puri,	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengeksportan produk makanan ke Australia, hendaklah memenuhi keperluan <i>Biosecurity Import Conditions</i> (BICON) dan <i>Food Standards Australia New Zealand</i> (FSANZ). 2. Keperluan biosekuriti berdasarkan

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
	<p>madu/produk berasaskan madu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<p>jenis makanan boleh disemak melalui sistem BICON, https://bicon.agriculture.gov.au/ atau https://www.agriculture.gov.au/biosecurity-trade/import/goods/food/type</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Malaysia pada masa ini tidak boleh mengekspor daging, produk daging, atau produk tenusu ke Australia kerana keperluan biosekuriti berkenaan kebimbangan tentang risiko penyakit dan perosak. 4. Beras, kacang, gandum, herba serbuk, rempah ratus dan bijirin, dan cili kering juga tidak boleh diekspor ke Australia kerana mempunyai risiko biosekuriti yang sangat tinggi. 5. Kopi Luwak hanya boleh diimport jika biji kopi dipanggang dan jumlah keseluruhan tidak melebihi 1 kg. Kopi hendaklah diisytiharkan dan diperiksa semasa ketibaan. 6. Keperluan pelabelan bagi produk makanan hendaklah memenuhi keperluan FSANZ, dalam Bahasa Inggeris untuk ramuan, allergen, panel nutrisi, dan tarikh luput. Keperluan pelabelan spesifik bagi produk makanan yang ingin diekspor ke Australia boleh disemak melalui https://www.foodstandards.gov.au/food-standards-code

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
3. Singapura	<p>Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, rempah ratus, biskut, snek/bijirin, jem/sapuan/puri, madu/produk berasaskan madu, daging/ produk berasaskan daging, produk tenusu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Premis pemrosesan makanan/pengeksporn makanan ke Singapura hendaklah mendaftar dan disenaraikan sebagai premis pengeksporn dengan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, dibawah skim MyFood Tag. Pendaftaran bagi MyFood tag boleh dibuat menggunakan borang permohonan dan senarai semak (Borang KKM-RM1/22 dan Borang KKM-RM-2/22, yang boleh diperolehi dari http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/index.php. Penyenaraian terbahagi kepada 2 kategori iaitu untuk produk yang diproses minima dan <i>Enhanced Regulated Sourced Programme (ERSP)</i>. 2. Kategori makanan bagi ERSP adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> – kuih muih tradisional dan kek – makanan bermasak – kuih bulan – formula bayi – bijirin bayi – tauhu kering – minyak masak 3. Kategori produk diproses minimum adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> – Buah-buahan dan sayur-sayuran yang diproses secara minimum: sayur-sayuran segar atau buah-buahan yang telah dikupas, dikupas, dihiris, dicincang atau dicincang sebelum dibungkus untuk

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>dijual dan sedia untuk dimakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tebu yang diproses secara minimum: produk tebu, segar atau sejuk, sama ada dipotong atau dikupas (selain keseluruhan) - Kelapa yang diproses secara minimum: kelapa segar yang telah dipotong, digilap, dikupas, dihiris, dicincang atau diparut sebelum dibungkus untuk dijual dan boleh sedia untuk dimakan seperti: <ul style="list-style-type: none"> i. Kelapa yang telah dikupas ii. Isi kelapa iii. Kelapa yang digilap (<i>polished</i>) iv. Kelapa yang dipangkas (<i>trimmed</i>) v. Kelapa parut <p>4. Premis eksport/pemrosesan hendaklah melaksanakan Program Jaminan Keselamatan Makanan dengan keperluan minimum mendapat pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (Hendaklah) oleh KKM.</p> <p>5. Keperluan khas bagi produk makanan boleh disemak melalui https://www.sfa.gov.sg/food-import-export/commercial-imports/import-requirements-for-food-food-products</p> <p>6. Keperluan pelabelan hendaklah memenuhi keperluan Peraturan Makanan Singapura yang boleh</p>

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>dirujuk melalui https://www.sfa.gov.sg/docs/default-source/food-manufacturing-and-storage/a-guide-to-food-labelling-and-advertisements.pdf</p> <p>7. Keperluan pelabelan terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Keperluan Pelabelan Am - Keperluan Pelabelan Tambahan - Keperluan mengenai klaim lain, seperti 'organik' dan 'bebas gluten' - Tuntutan Terlarang pada label dan iklan makanan - Keperluan mengenai Tuntutan Pemakanan dan Kesihatan
4. Hong Kong	Makanan laut, mentega koko, bijirin: seperti beras, gandum dan bijirin lain, makanan diproses: mi segera, pasta, biskut, pastri, kek dan minuman, produk tenusu, minyak dan perasa yang boleh dimakan, daging dan ayam, telur dan produk telur:	<p>1. Premis pemprosesan bagi ayam/itik bulat, keratan, bahagian, daging ayam/itik dan produk tambah nilai ayam/itik negara yang mentah dan separa masak hendaklah diluluskan oleh pihak berkuasa veterinar Malaysia dan Hong Kong.</p> <p>2. Daging, ayam atau telur untuk hendaklah mempunyai Sijil Kesihatan Veterinar</p> <p>3. Premis pembuatan/pemprosesan produk tenusu dan konfeksi sejuk beku hendaklah diluluskan oleh <i>Director of Food and Environmental Hygiene</i>. Kelulusan ini perlu dipohon oleh pengimport melalui sistem dalam talian di laman web FTP (www.ftp.cfs.gov.hk).</p>

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<ol style="list-style-type: none"> 4. Pengimport di Hong Kong hendaklah memegang <i>Food Importer/Distributor License</i>. 5. Keperluan pelabelan hendaklah memenuhi keperluan <i>Food and Drugs (Composition and Labelling) Regulations (Cap 132W)</i>, dalam Bahasa Inggeris atau Cina, atau kedua-duanya dan perlu mengandungi: <ul style="list-style-type: none"> - Nama makanan, - senarai ramuan, - allergen, - tarikh luput, - arahan penyimpanan, - nama dan alamat pengeksport/pengimport, - Kiraan berat atau isipadu makanan
5. Negara Timur Tengah	<p>Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, biskut, jem/sapuan/puri, ikan dan hasilan ikan, madu/produk berasaskan madu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Halal Badan pensijilan JAKIM atau diiktiraf <i>Gulf Cooperation Council (GCC)</i> diperlukan untuk kebanyakan produk makanan. 2. Sijil Kesihatan Makanan/Veterinar diperlukan untuk Produk berasaskan haiwan dan RTE. 3. Bagi eksport ikan dan hasilan ikan, premis pemprosesan hendaklah berdaftar dengan KKM, mempunyai pensijilan HACCP dan diluluskan serta disenaraikan oleh <i>Saudi Food & Drug Authority (SFDA)</i> melalui KKM. 4. Keperluan khas: <ul style="list-style-type: none"> • UAE - ESMA/MoIAT: Produk

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p>haiwan dan halal WAJIB berdaftar di UAE Halal National Mark Scheme. Barcode GTIN (GS1 UAE).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Qatar - Ministry of Public Health (MOPH): Pengimport hendaklah berlesen. Sijil Halal yang diterima hanya Sijil Halal yang diiktiraf oleh MOPH. • Oman - GCC Standard diterima pakai sepenuhnya. Pemeriksaan keperluan label dan logo halal. • Kuwait - <i>Ministry of Health</i>: Beberapa produk RTE & daging hendaklah mempunyai Sijil Kesihatan. • Iraq - Sesetengah produk perlu Sijil Radiologi dan Sijil Halal. • Jordan - Label hendaklah dalam Bahasa Arab. • Mesir - <i>General Organization for Export & Import Control (GOEIC)</i>: Produk perlu didaftarkan di <i>Importer List</i>.
6. Negara Eropah	<p>Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, rempah ratus, biskut, snek/bijirin, jem/sapuan/puri, madu/produk</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Untuk produk haiwan, premis pemprosesan hendaklah berdaftar dan mendapat kelulusan Pihak berkuasa kompeten (DVS) & tersenarai sebagai premis yang diluluskan eksport ke EU TRACES/EU <i>Approved Establishments</i>. - Bagi ikan dan hasilan ikan -

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
	<p>berasaskan madu, daging/produk berasaskan daging, produk tenusu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<p>premis pengeluaran dan kapal tangkapan hendaklah berdaftar dan mendapat kelulusan DOF dan tersenarai dalam senarai EU <i>Approved Establishments</i>. Premis makanan perlu melaksanakan sistem HACCP yang diaudit dan diiktiraf.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Produk makanan hendaklah mematuhi <i>EU Maximum Residue Limits</i> (MRLs), terutama untuk racun perosak (buah/sayur), antibiotik (produk haiwan). - Sijil Kesihatan Veterinar diperlukan untuk produk berasaskan haiwan (daging, tenusu, ikan). - Keperluan pelabelan memenuhi keperluan Label <i>EU Food Information to Consumers Regulation (FIC) No 1169/2011</i>: <ul style="list-style-type: none"> - Nama produk. - Senarai ramuan (turutan berat). - Maklumat allergen. - Tarikh luput / "Use by" / "Best before". - Berat bersih - Maklumat nutrisi. - Asal usul bahan (contoh: daging lembu hendaklah nyatakan negara ternakan dan sembelihan). - Nama dan alamat

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<ul style="list-style-type: none"> - pengeluar/pengekspert. - Cara penyimpanan. Bahasa: hendaklah dalam bahasa negara EU yang menjadi destinasi eksport (contoh: Jerman – Bahasa Jerman).
7. Jepun	<p>Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, rempah ratus, biskut, snek/bijirin, jem/sapuan/puri, madu/produk berasaskan madu, daging/produk berasaskan daging, produk tenusu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bagi produk daging, ayam, tenusu dan Ikan premis penyembelihan/pemrosesan hendaklah berdaftar dan diluluskan oleh DVS/DOF dan tersenarai dalam Senarai Premis Diluluskan untuk eksport ke Jepun. 2. Bagi produk makanan diproses, hendaklah mempunyai pensijilan GMP dan HACCP di bawah KKM. 3. Bagi produk dengan label <i>organic</i>, hendaklah mempunyai pensijilan Skim Organik Malaysia (SOM) dan/atau pensijilan dapat pengesahan <i>JAS Organic</i> jika mahu menggunakan logo <i>Organic JAS</i>. 4. Had residu racun perosak (MRL) hendaklah mematuhi MRL racun perosak daripada pangkalan data MRL Jepun (<i>The Ministry of Health, Labour and Welfare, MHLW</i>) https://www.mhlw.go.jp/stf/ 5. Pengimport di Jepun dikehendaki membuat <i>Pre-Import Notification</i> ke <i>Quarantine Station</i> di bawah MHLW. 6. Keperluan pelabelan hendaklah dalam Bahasa Jepun dengan

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		maklumat: <ul style="list-style-type: none"> - nama produk yang jelas, - senarai ramuan mengikut turutan berat atau peratusan bahan utama, - allergen, - tarikh luput, - cara penyimpanan - nama dan alamat pengilang/pengimport termasuk maklumat lot/batch - panel nutrisi - keperluan pelabelan boleh dirujuk di https://www.caa.go.jp/en/policy/food_labeling/
8. Thailand	Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, rempah ratus, biskut, snek/bijirin, jem/sapuan/puri, madu/produk berasaskan madu, daging/produk berasaskan daging, produk tenusu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Premis pemprosesan hendaklah memenuhi keperluan pensijilan GMP & HACCP oleh KKM. 2. Bagi premis pemprosesan haiwan hendaklah berdaftar dan diluluskan oleh DVS/DOF dan disenaraikan di bawah DLD Thailand <i>Approved List</i>. 3. Bagi daging dan produk haiwan, dan produk tenusu perlu mendapatkan Sijil Kesihatan Veterinar. 4. Bagi produk ikan dan hasilan ikan - Premis dan kapal tangkapan perlu berdaftar dan diluluskan oleh DOF Malaysia. 5. Pengimportan makanan yang diproses, farmaseutikal, dan vitamin hendaklah mempunyai lesen dan permit import <i>Food and</i>

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<p><i>Drug Administration, Ministry of Public Health.</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Untuk makanan yang diimport, label Thai hendaklah digunakan jika diperlukan sebelum masuk dan dilekatkan pada setiap item produk makanan sebelum dipasarkan. 7. Premis pemrosesan makanan hendaklah mematuhi GMP dan HACCP, dan berdaftar di Thai FDA. 8. Keperluan pelabelan dalam Bahasa Thai dengan maklumat berikut: <ul style="list-style-type: none"> – nama produk jelas – senarai ramuan (ikut turutan berat) – maklumat allergen – tarikh luput/<i>best before</i> – berat bersih – nama dan alamat pengilang/pengimport – panel nutrisi untuk kategori wajib (contoh minuman, RTE) – Nombor Permit Import (Food Serial Number) dari Thai FDA
9. Taiwan	Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, rempah ratus, biskut, snek/bijirin, jem/sapuan/puri, madu/produk berasaskan madu, daging/produk	<ol style="list-style-type: none"> 1. Produk yang dikategorikan berisiko tinggi memerlukan permit import dari <i>Taiwan Food and Drug Administration</i> (TFDA): https://www.fda.gov.tw atau <i>Council of Agriculture</i> (COA): https://eng.coa.gov.tw. Antara yang dikategorikan sebagai barangan berisiko tinggi adalah daging dan produk daging, produk tenusu, produk perikanan tertentu, produk

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
	<p>berasaskan daging, produk tenusu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<p>bayi dan makanan khusus, produk makanan kesihatan dan fungsian dan madu asli.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Pengeksportan telur dan hasilan telur, serta produk susu dan hasilan susu tertentu perlu mendapat kelulusan daripada <i>Food and Drug Administration (FDA), Ministry of Health and Welfare, Taiwan</i>. Sekiranya ingin mengeksport produk tersebut ke Taiwan, pihak pengeksport perlu menghantar permohonan secara bertulis ke PKKM, KKM bagi tujuan kelulusan oleh pihak FDA, Taiwan. Pengeksportan produk telur dan hasilan telur serta susu dan hasilan susu juga perlu mematuhi keperluan kuarantin daripada <i>Council of Agriculture, Taiwan</i>. 3. Premis pemprosesan makanan hendaklah mendapat pensijilan GMP dan HACCP oleh KKM. 4. Produk seperti makanan sejuk beku, makanan tambahan, dan makanan kesihatan perlu mematuhi keperluan pelabelan Bahasa Cina tradisional, menyatakan tarikh luput, bahan ramuan, dan maklumat pemakanan. 5. Sekiranya produk tergolong sebagai makanan khas (e.g. makanan kesihatan), ia perlu mematuhi keperluan pelabelan dan dokumentasi tambahan seperti keperluan analisis nutrisi dan

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		kajian kestabilan.
10. Amerika Syarikat (USA)	<p>Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, rempah ratus, biskut, jem/sapuan/puri, madu/produk berasaskan madu, daging/produk berasaskan daging, produk tenusu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Di bawah <i>Food Safety Modernization Act</i> (FSMA) Amerika Syarikat (AS), semua fasiliti makanan yang mengilang, memproses, membungkus atau menyimpan makanan untuk kegunaan manusia dan haiwan di AS perlu berdaftar dengan United States Food and Drugs Administration (USFDA) melalui sistem Food Facility Registration dan memperbaharui pendaftaran setiap dua tahun: https://www.fda.gov. 2. Bagi produk daging dan ternakan: <ul style="list-style-type: none"> – Premis perlu diperiksa dan diperakui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). – Premis hendaklah tersenarai dalam senarai kilang yang diluluskan untuk eksport ke Amerika Syarikat (jika berkaitan). 3. Bagi produk makanan diproses: <ul style="list-style-type: none"> – Mempunyai pensijilan GMP / HACCP oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau agensi bertauliah. 4. Bagi produk ikan dan hasilan ikan: <ul style="list-style-type: none"> – Premis perlu diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Perikanan (DOF) 5. Keperluan pelabelan.

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
		<ul style="list-style-type: none"> - Produk makanan perlu mematuhi keperluan pelabelan di bawah <i>Nutrition Labeling and Education Act</i> (NLEA), termasuk label fakta pemakanan ('Nutrition Facts'), senarai ramuan, dan alergen. Setiap penghantaran produk makanan perlu disertakan <i>prior notice</i> kepada FDA sebelum ketibaan melalui sistem <i>Prior Notice System Interface</i> (PNSI). 6. Keperluan Sijil Kesihatan/ Fitosanitasi, hendaklah mendapatkan Sijil Kesihatan/ Fitosanitasi daripada: <ul style="list-style-type: none"> - KKM (Makanan diproses) - DVS (produk daging) - DOF (makanan laut) - DOA (buah-buahan, sayuran)
11. Vietnam	<p>Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, rempah ratus, biskut, snek/bijirin, jem/sapuan/puri, madu/produk berasaskan madu, daging/produk berasaskan daging, produk tenusu, kopi dan produk</p>	<p>1. Bagi tujuan pengeksportan makanan berasaskan haiwan ke Vietnam premis pemrosesan makanan perlu disenaraikan melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan didaftarkan dengan Department of Animal Health (DAH), Vietnam seperti yang dinyatakan dalam Circular 11/2017/TT-BNNPTNT bertarikh 29 Mei 2017 dan Decree No. 15/2018/ND-CP Regulating the Implementation of a <i>Number of Articles of the Law on the Food</i></p>

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
	<p>berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<p><i>Safety</i> bertarikh 2 Februari 2018.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Bagi <i>processed dan pre-packaged foods</i>, premis pemrosesan makanan berasaskan haiwan dikecualikan daripada pendaftaran dengan DAH. Dalam hal ini, pihak syarikat perlu berhubung dengan agen/ <i>importer</i> di Vietnam bagi tujuan <i>product self-declaration</i> seperti yang dinyatakan dalam Article 4 & 5 Decree No. 15/2018/ND-CP bertarikh 2 Februari 2018. 3. Selain itu, pengeksporan makanan bersasaskan haiwan ke Vietnam perlu mematuhi <i>Law on Animal Health No. 79/2015/QH13</i> termasuk perkara berhubung <i>animal health, quarantine dan veterinary hygiene</i>. 4. Produk makanan yang tergolong sebagai makanan kesihatan atau makanan tambahan perlu berdaftar dan mematuhi garis panduan daripada Ministry of Health Vietnam: https://moh.gov.vn 5. Pelabelan hendaklah dalam Bahasa Vietnam dan menyatakan ramuan, tarikh luput, nombor pendaftaran produk (jika diperlukan), dan nama pengimport berdaftar. 6. Pengimport hendaklah mendapat kelulusan permit import (<i>License for Food Importation</i>) dan setiap konsainan tertakluk kepada pemeriksaan kuarantin di pintu masuk.

NEGARA	PRODUK AGROMAKANAN PROSES SEGAR YANG DIBENARKAN UNTUK EKSPORT	KEPERLUAN EKSPORT
12. Kanada	<p>Produk Sedia Dimakan (RTE), minuman (<i>beverages</i>), pes masakan dan perasa makanan, sos, rempah ratus, biskut, snek/bijirin, jem/sapuan/puri, madu/produk berasaskan madu, daging/produk berasaskan daging, produk tenusu, kopi dan produk berasaskan kopi, coklat dan produk berasaskan coklat dan produk kesihatan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengeksport perlu berdaftar di bawah sistem MyCFIA untuk mendapatkan lesen eksport makanan. 2. Produk makanan yang dieksport ke Kanada perlu mematuhi <i>Safe Food for Canadians Regulations</i> (SFCR), yang dikuatkuasakan oleh Canadian Food Inspection Agency (CFIA): https://inspection.canada.ca 3. Produk makanan berasaskan haiwan atau makanan sedia dimakan (RTE) memerlukan bukti keselamatan seperti Certificate of Analysis (CoA), dan dalam beberapa kes, Sijil Kesihatan Veterinar dari DVS Malaysia. 4. Kanada mewajibkan program kawalan keselamatan makanan yang berpandukan kepada prinsip HACCP untuk produk tertentu. - CoA disarankan bagi membuktikan pematuhan mikrobiologi dan kandungan logam berat.

Rujukan:

1. **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).** (2025). *Panduan Eksport Buah-buahan Segar*. Putrajaya: FAMA.
2. **Jabatan Pertanian Malaysia.** (2018). *Pamflet Prosedur Pendaftaran Ladang untuk Eksport*. Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian, Wisma Tani, Kuala Lumpur.
3. **Jabatan Pertanian Malaysia.** (2025). *Keperluan Fitosanitasi bagi Eksport Produk Hortikultur 2025*. Putrajaya: Jabatan Pertanian.
4. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2019). *Circular on Declaration of State/Province Codes in TradeNet Permits for Fresh and Minimally Processed Fruits and Vegetables (Singapura)*. Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM).
5. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2019). *Keperluan Penyenggaraan bagi Pengeksport Hasil Segar (Sayur-Sayuran dan Buah-Buahan) ke Singapura*. Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), BKKM.
6. **Singapore Food Agency (SFA).** (2019). *Import Requirements for Specific Products (Updated 1 October 2019)*. Republic of Singapore.
7. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2018). *Keperluan Pengeksportan Ikan dan Hasil Ikan ke Arab Saudi*. Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), BKKM.
8. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2019). *Keperluan Penyenggaraan Premis Pengeksport Produk Durian Sejuk Beku ke China*. Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), BKKM.
9. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2019). *Keperluan Pendaftaran dengan GACC bagi Tujuan*

- Pengeksportan Produk Makanan ke Negara China.* Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), BKKM.
10. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2019). *Keperluan Baru Pengeksportan Telur dan Hasil Telur serta Produk Hasil Susu Tertentu ke Taiwan.* Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), BKKM.
 11. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2018). *Maklumat Umum Keperluan Pengeksportan Makanan ke Kanada (Kemaskini 15 Januari 2019).* Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), BKKM.
 12. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2018). *Canada: Sulphite Declaration in Food to be Distributed in Canada.* Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), BKKM.
 13. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2018). *Maklumat Umum Keperluan Pengeksportan Makanan ke Amerika Syarikat.* Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), BKKM.
 14. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).** (2021). *Specific Export Requirements for Export of Meat and Meat Products to Viet Nam.* Food Safety and Quality Division (FSQD), Kementerian Kesihatan Malaysia.
 15. **Republik Viet Nam.** (2018). *Decree No. 15/2018/ND-CP: Regulating the Implementation of a Number of Articles of the Law on Food Safety.* Hanoi: Government of Vietnam.
 16. **Republik Viet Nam.** (2018). *Elaboration of Some Articles of the Law of Food Safety (Decree No. 15/2018/ND-CP).* Hanoi: Government of Vietnam.



Diterbitkan oleh:

Bahagian Pasaran Antarabangsa

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

Bangunan FAMA Point,

Lot 17304, Jalan Persiaran 1,

Bandar Baru Selayang

68100 Batu Caves,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel No: +603 6126 2020

Website: www.fama.gov.my

Email: pasaranantarabangsa@fama.gov.my

Cari kami di laman berikut:



Edisi 2025